

08 NOV 2002

STAR SEDIA SERTAI BARISAN NASIONAL

KUCHING, 8 Nov (Bernama) -- Parti Reformasi Negeri (Star), sebuah parti pembangkang di sini, sedia menyertai Barisan Nasional kerana perjuangannya membela hak rakyat adalah selari dengan matlamat parti memerintah itu, kata presidennya Dr Patau Rubis.

"Saya tidak pernah meninggalkan BN tetapi oleh kerana saya disingkir oleh orang BN, maka saya terpaksa mencari pilihan lain untuk meneruskan perjuangan politik saya," katanya.

Dr Patau adalah bekas naib presiden kanan Snap, sebuah parti komponen BN yang baru saja dibatalkan pendaftarannya akibat krisis dalaman. Beliau menubuhkan Star lima tahun lepas setelah dipecat sebagai Menteri Muda Kewangan dan Kemudahan Awam negeri kerana didakwa menyokong calon bebas dalam satu pilihan raya.

"Star ditubuhkan untuk rakyat, dan kami sedia bekerjasama dengan BN jika dikehendaki," katanya.

Dr Patau bagaimanapun berkata beliau belum membuat permohonan rasmi untuk menyertai BN kerana pelbagai faktor perlu diambil kira.

Minggu lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat tawaran terbuka kepada parti-parti pembangkang untuk menyertai BN bagi sama-sama mempertahankan negara daripada musuh luar.

-- BERNAMA

RDY MAI